

30 JUL 1997

APA KATA ALBRIGHT TENTANG DR MAHATHIR

SINGAPURA, 30 Julai (Bernama) -- Setiausaha Negara Amerika Syarikat Madeleine Albright berkata Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai pendapat yang dinyatakan secara agak keras yang tidak membayangkan suara kepimpinan yang lebih muda di negara-negara ASEAN.

Akhbar The Straits Times hari ini menyebut Albright sebagai berkata: "Dr Mahathir merupakan kes yang tersendiri. Beliau mempunyai pandangan yang membayangkan generasi beliau tetapi tidak pemimpin lain yang saya temui."

"Tetapi apabila menemui Menteri Kanan Lee (Kuan Yew), yang tentunya daripada generasi yang terdahulu di rantau ini, saya dapati beliau mempunyai wawasan yang paling moden dan paling strategik daripada yang dipunyai mana-mana pemimpin yang saya temui sejak berapa lama."

Akhbar itu berkata pandangan Albright itu dibuat sebagai jawapan kepada soalan mengenai pendirian anti-US Dr Mahathir pada mesyuarat-mesyuarat ASEAN yang baru selesai di Malaysia.

Albright berada di Singapura untuk lawatan dua hari selepas menghadiri Forum Serantau ASEAN dan Persidangan Lepas Mesyuarat Menteri ASEAN di Malaysia.

The Straits Times berkata wakilnya telah menghadiri taklimat yang diberikan Albright kepada wartawan dari Washington yang telah mengiringi beliau dalam lawatan ke rantau ini. -- BERNAMA

THG SJ NMO